


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi terima \$100,000

Berita Harian, 12 March 1998, Page 15

 Article also available on Microfilm Reel NL21259

Printer-Friendly Page

Persisi terima \$100,000

Sumbangan dari Singapore Pools, yang terbesar pernah diterima

SILAT Oleh **YUSOFF A. RAHMAN**

BUAT pertama kali dalam sejarah Persekutuan Silat Singapura (Persisi), badan induk itu menerima sumbangan derma terbesar sebanyak \$100,000 daripada Singapore Pools.

Sumbangan itu yang terlebih dulu disalurkan kepada Majlis Sukan Singapura (SSC) telah diberikan kepada Persisi bulan lalu.

Ini dinyatakan oleh Setiausaha Agung Persisi, Jamaludin Jamil, semalam.

“Seingat saya, ini adalah sumbangan terbesar yang pernah kami terima. Sebelum ini, kami juga ada menerima sumbangan seperti dari-

pada Yayasan Lee tetapi tidak sebanyak ini," beliau memberitahu.

Selain daripada Persisi, beberapa persekutuan sukan lain juga menerima bantuan daripada Singapore Pools. Antaranya, Netball Singapore yang menerima \$300,000.

Menurutnya, Persisi ingin merakamkan terima kasih kepada Singapore Pools atas sumbangan itu kerana ia dapat membantu persekutuannya untuk terus memajukan sukan ini.

"Kami akan memanfaatkan sumbangan ini sepenuhnya demi kemajuan silat," demikian jaminan Setiausaha Agung Persisi itu.

Antaranya, beliau menjelaskan, wang itu

boleh digunakan untuk keperluan pentadbiran dan juga pejabat Persisi.

"Ia juga akan digunakan untuk membantu latihan skuad negara dalam menghadapi kejohanan-kejohanan luar negara.

Antara kejohanan luar negara yang dirancang oleh Persisi pada tahun ini termasuk menyertai Kejohanan Terbuka Vietnam pada Ogos ini.

"Selain daripada itu, wang tersebut juga boleh membantu kami dalam menganjurkan kejohanan-kejohanan setempat," kata Jamaludin.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan

menggunakan wang itu untuk menghantar para pegawai mengikuti kursus di luar negara seperti di Indonesia.

“Para pegawai petugas juga boleh diberikan elaun. Sebelum ini, kami hanya dapat menyediakan makan minum apabila mereka bertugas dalam kejohanan,” beliau menambah.

Tetapi dalam pada itu, ujarnya lagi, wang sebanyak itu sebenarnya tidak cukup bagi sesebuah persatuan sukan kerana kegiatan yang dijalankan adalah banyak.

“Namun begitu, kami akan memberikan keutamaan kepada kegiatan yang memerlukan bantuan,” Jamaludin menerangkan.